

Longkang penuh dengan sampah

Dibiarkan tanpa selenggara, juga dikenal pasti antara sebab banjir kilat kerap berlaku di kawasan bandar

MASALAH banjir kilat di sekitar Seksyen 2 dan Jalan Railway, Petaling Jaya yang meruncing sejak kira-kira tiga tahun kebelakangan ini menimbulkan rasa gusar penduduk di situ.

Menceritakan pengalamannya, seorang suri rumah, Chong Yen Yong, 49, berkata, sekiranya hujan lebat turun, air akan memenuhi pekarangan kediaman hanya dalam masa 10 minit dan ia amat membebankan.

"Setiap kali hujan, air akan naik dengan begitu cepat dan kami sekeluarga siap-sedia sebab risau air masuk dalam rumah.

"Walaupun air hanya penuhkan pekarangan rumah dan jalan raya, kami dah siap sedia dengan segala kemungkinan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Yen Yong berkata, keadaan sistem saliran yang terganggu dipercayai menjadi punca kepada masalah tersebut yang dilihat meresahkan mereka sekeluarga.

"Kalau tak hujan, saya dapat tengok air dalam longkang tidak mengalir dengan lancar disebabkan sistem saliran yang mungkin terganggu," katanya.

Dalam padaitu, Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Lama Petaling Jaya, Yap Kian Kiong berkata, keadaan banjir di sekitar kawasan Seksyen 2 sewajarnya diberikan perhatian lebih holistik



Haniza (kiri) sedang berbincang dengan wakil MBPJ daripada Jabatan Saliran berhubung isu tersebut. Gambar kecil: Keadaan longkang yang tersumbat dilihat menjadi punca utama kepada masalah banjir kilat.



oleh
p i -
hak ber-
tanggungjawab.

Menurut Kian Kiong, longkang sedia ada dilihat tidak diselenggarakan sehingga mengundang masalah buat penduduk setempat.

"Longkang di sekitar kawasan ini kebanyakannya dipenuhi sampah hingga sistem saliran terganggu.

"Disebabkan itu, kami di sini sering terdedah kepada banjir kilat sekiranya hujan turun walaupun untuk tempoh 10 minit," katanya.

Jelas Kian Kiong, pihaknya turut menyuarakan permasalahan berkenaan kepada pihak bertanggungjawab namun keadaan tersebut masih menghantui penduduk setempat.

MBPJ ambil langkah pencegahan

Sementara itu, Adun Taman Medan, Haniza Talha berharap agar

penduduk dapat bersabar buat sementara waktu memandangkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sedang mengambil langkah pencegahan bagi mengatasi isu tersebut.

Menurut Haniza, untuk tempoh jangka masa pendek, longkang di kawasan tersebut dibersihkan menggunakan kaedah sedutan bagi membolehkan sistem saliran tidak terganggu.

"Bagi jangka masa panjang pula, kita kini sedang menjalankan kerja-kerja penambahbaikan dan pembinaan sistem saliran baru bagi mengatasi

INFO

Kawasan mudah banjir

- Ampang
- Kampung Baru
- Jalan Chan Saw Lin, KL
- Jalan Cheras- Kajang, KL
- Klang
- Jalan Kebun, Klang
- Padang Jawa, Shah Alam
- Balakong
- Seri Kembangan
- Kajang
- Kelana Jaya
- Subang
- Jalan Railway, PJ
- Rawang

masalah banjir," katanya.

Beliau berkata, projek penambahbaikan berkenaan mengenal kos kira-kira RM1.8 juta melibatkan pembinaan sistem saliran sepanjang 1.2 kilometer.

Haniza turut menjelaskan bahawa projek berkenaan bermula sejak awal September lalu dan dijangka siap pada awal Februari tahun hadapan.

"Projek ini melibatkan pembinaan sistem saliran bermula di Jalan 227 dan membawa ke Jalan Railway serta longkang-longkang yang pecah di sekitar kawasan ini," katanya.

Haniza turut mengingatkan kontraktor yang dilantik dapat menjalankan kerja-kerja pembinaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi mengelakkan permasalahan itu berulang.